



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### UTC LABUAN MERCU TANDA BAHARU WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

**LABUAN, 6 Februari 2016** – YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia menghadiri Majlis Perasmian Pusat Transformasi Bandar (UTC) Labuan dan Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan pada hari ini.

2. UTC Labuan terletak di dalam Pasar Sentral Labuan yang telah diubahsuai meliputi aras bawah dan aras 2 bangunan serta menempatkan pelbagai Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri serta pelbagai agensi swasta serta NGO bagi menyediakan perkhidmatan kepada penduduk setempat. Selain itu, terdapat juga pelbagai lot gerai dan perniagaan yang menyediakan kemudahan makanan dan minuman di aras satu. Gerai-gerai ini telah disusun semula bagi memberikan imej baharu kepada peniaga-peniaga di UTC Labuan. Turut disediakan juga kemudahan gimnasium dan pasar menjual keperluan harian di tingkat bawah bangunan UTC Labuan. Masa operasi UTC Labuan juga adalah sama seperti di UTC-UTC lain di Sabah dan Sarawak iaitu dari 8.00 pagi hingga 9.00 malam pada setiap hari.

3. Sebagaimana UTC-UTC lain dan selaras dengan kriteria NBOS iaitu pelaksanaan pantas, proses transformasi bangunan untuk UTC Labuan ini hanya mengambil masa selama 8 minggu dengan menggunakan bangunan sedia ada yang diubahsuai mengikut keperluan perkhidmatan yang akan diberikan. UTC Labuan disiapkan dalam tempoh yang singkat dan dengan kos yang lebih rendah iaitu RM23 juta berbanding dengan pembangunan secara konvensional. Ini bagi membolehkan rakyat dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan dengan kos pembangunan yang minimum seperti mana yang telah dijanjikan.

4. UTC merupakan antara contoh yang menggambarkan aspirasi Kerajaan untuk mentransformasikan negara. Ia adalah hasil pemikiran strategik Kerajaan dengan menggunakan kaedah Strategi Lautan Biru Kebangsaan ataupun NBOS di mana usaha Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat dapat direalisasikan dengan kesepakatan dari pelbagai pihak. Ini dapat dilihat dalam kerjasama strategik di antara pelbagai Kementerian, Jabatan dan agensi Kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam menjayakan penubuhan UTC Labuan ini.

5. Perasmian UTC juga diadakan bersekali dengan Kenduri 1Wilayah Persekutuan sesuai dengan saranan Kerajaan dalam penjimatan kos penganjuran program dengan mengutamakan kepentingan rakyat. Seramai 5,000 orang terdiri daripada peniaga dan penjaja yang bermiaga di Pasar Sentral Labuan, persatuan penjaja, persatuan penduduk, NGO dan orang awam menghadiri program yang dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Labuan (PL) manakala 2,000 orang peserta pula mewakili 27 buah kampung dalam menyediakan juadah Kenduri 1Wilayah Persekutuan pada petang ini. Program ini merupakan salah satu dari program-program yang telah dirancang sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016.

6. Melalui program-program transformasi kerajaan yang dilaksanakan, ia mencerminkan kesungguhan Kerajaan bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi dengan berpaksikan kepada kesejahteraan rakyat. Diharap dengan usaha Kerajaan melalui KWP menyediakan perkhidmatan bersepodu dengan pembinaan UTC ini dapat mensejahterakan dan menceriakan rakyat khususnya warga Labuan.

**Disediakan oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**  
**Labuan**  
**6 Februari 2016**